

NUS tawar program sarjana kaji masalah pendengaran

BUAT julung-julung kalinya, Universiti Nasional Singapura (NUS) menawarkan program sarjana baru dalam jurusan audiologi di sekolah perubatan mereka.

Kursus Sarjana Sains dalam jurusan Audiologi itu – dilancarkan di Seko-

lah Perubatan Yong Loo Lin NUS semalam – akan melatih pakar audiologi bagi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan pendengaran di Singapura.

Syarikat teknologi gergasi, Siemens, pula telah menderma \$19.5 juta bagi membiayai program terse-

but selama lapan tahun.

Menteri Kesihatan, Encik Gan Kim Yong, melancarkan program baru itu.

Dalam ucapannya, beliau berkata Kajian Kesihatan Nasional 2010 menunjukkan bahawa satu dalam lima warga Singapura berusia antara 50 dengan

59 tahun dan satu dalam empat warga berusia antara 60 dengan 69 tahun mengalami masalah pendengaran.

Singapura kini mempunyai sekitar 30 pakar audiologi yang bertugas di institusi penjagaan kesihatan awam.

Oleh itu, Encik Gan berkata Singapura harus menambah jumlah pakar audiologi di sini dan membangunkan keupayaan mereka agar dapat memenuhi keperluan penjagaan kesihatan bagi penduduk yang semakin menua.

“Pengumuman pro-

gram Sarjana Sains dalam Audiologi di NUS itu merupakan pencapaian penting dalam kerjaya audiologi di Singapura, dengan ia membuka laluan latihan setempat yang pertama di sini,” kata beliau.

Sejauh ini, 18 pelajar telah mengikuti program itu dan jumlah pelajar akan bertambah secara progresif, bergantung pada keperluan penjagaan kesihatan di sini, ujarnya.

Program selama dua tahun itu disesuaikan daripada program Sarjana dalam jurusan audiologi di Universiti Melbourne.

Ia akan menyepadukan bidang akademik, amalan klinikal dan penyelidikan dengan amali bagi memberi pelajar pengalaman menyeluruh dan dinamik.

Program itu juga akan merangkumi perincian setempat seperti patologi, genetik, jangkitan di rantau ini, dan penyelidikan budaya dan translasi (*translational*).